

24 FEB 1998

LEAD Mahathir-Iraq (intro baru)

MALAYSIA HARAP SEKATAN TERHADAP IRAQ DITARIK BALIK

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Malaysia berharap sekatan ekonomi yang dikenakan terhadap Iraq sejak tujuh tahun lepas ditarik balik ekoran satu perjanjian mengenai pemeriksaan senjata antara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Iraq.

Ketika ditanya oleh pemberita sama ada sekatan ekonomi PBB terhadap Iraq perlu ditarik balik berikutan perkembangan terbaru di Iraq, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berharap sekatan itu dapat ditarik balik.

"Tapi saya rasa nanti akan ada alasan-alasan lain supaya tidak dihentikan sekatan ekonomi," kata beliau selepas melawat Taman Teknologi Malaysia di sini hari ini.

Laporan dari Riyadh hari ini menyebut bahawa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menyarankan agar sekatan itu segera ditarik balik.

Menurut laporan itu, 54 negara anggota pertubuhan itu juga menyambut baik perjanjian yang dimeterai antara Setiausaha Agung PBB Kofi Annan dan Timbalan Perdana Menteri Iraq Tareq Aziz di Baghdad semalam.

Laporan itu memetik Putera Saud al-Faisal dari Saudi Arabia sebagai berkata beliau berharap perjanjian itu akan "mendorong kepada pelaksanaan resolusi PBB...dan penarikan balik sekatan terhadap rakyat Iraq."

Sekatan PBB yang dikuatkuasakan sejak Iraq menceroahi Kuwait pada 1990 tidak boleh dibatalkan sehingga pemeriksa senjata PBB menghapuskan keupayaan Iraq untuk membuat senjata kimia.

Ketika menyambut baik perjanjian itu, Dr Mahathir berharap ia dapat diterima oleh semua pihak.

"Kita merasa lega kerana persetujuan telah dicapai," katanya.

Ketika ditanya sama ada dengan persetujuan itu, Amerika Syarikat dan Britain, sekutu rapatnya dalam krisis itu, tidak harus menyerang Iraq, Dr Mahathir berkata beliau berpendapat mereka tidak sepatutnya mengancam untuk menyerang Iraq.

"Tapi saya berpendapat ugutan akan diteruskan. Itu pendapat saya, (mungkin) tak betul," kata beliau.-- BERNAMA

ES MAI